



GARIS PANDUAN FASA PERALIHAN BAGI PERAHU PENAMBANG / PERAHU PENUMPANG / KAPAL PENUMPANG

1. Dokumen ini menyediakan langkah-langkah di mana perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dibenarkan untuk menjalankan aktiviti semasa fasa transisi dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan. Pendekatan kami adalah berdasarkan memastikan pematuhan kepada langkah teras yang disenaraikan di bawah langkah-langkah Kawalan COVID-19, menggalakkan penggunaan *Antigen Rapid Test (ART)* sebagai langkah pengesanan awal jangkitan dan memperkenalkan sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.

2. Fasa peralihan

Boleh bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi.

Kurangkan penyakit serius, kemasukkan ke hospital dan kematian yang disebabkan oleh COVID-19.

3. Langkah-Langkah Kawalan COVID-19

a) Penggunaan aplikasi BruHealth

- **Mendaftar *BruHealth*:** Semua perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR *BruHealth* dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di perahu.
- **Mengimbas Kod *BruHealth*:** Pemilik / pemandu perahu / juragan kapal hendaklah memastikan semua penumpang yang menaiki perahu / kapal mengimbas aplikasi *Bruhealth* mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua pekerja/kakitangan/sukarelawan).
- **Warna Kod *BruHealth*:** Pemandu perahu / juragan kapal dikehendaki memastikan hanya penumpang yang mempunyai kod *Bruhealth* Hijau dan

Kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.

b) **Vaksin Lengkap:**

Pemilik perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang hendaklah memastikan semua pekerja yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.

c) **Penjarakan Sosial:**

Mengamalkan langkah penjarakan sosial dan fizikal yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 1.5 m antara individu jika boleh.

d) **Pengudaraan perahu/kapal:**

Bagi perahu / kapal tertutup, pemilik perahu / kapal hendaklah memastikan perahu / kapal memiliki pengudaraan yang mencukupi

4. Pemilik perahu / kapal penumpang adalah dikehendaki memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa. Mana-mana pemilik yang didapati tidak mematuhi garis panduan dan syarat yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan undang-undang dibawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan permit perahu-perahu / kapal yang terlibat boleh dibatalkan dengan serta-merta.

5. **Individu yang divaksin sepenuhnya**

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan BDMCA. Status vaksinasi dalam aplikasi *BruHealth*, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pemandu / juragan sebagai bukti vaksinasi.

6. **Langkah-Langkah bagi mengangkut penumpang**

a) **Sekatan Kapasiti**

- o Perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang dibenarkan beroperasi dengan 50% kapasiti daripada kapasiti yang dibenarkan.

Kapasiti termasuk pemandu perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang.

- Setiap perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang dikehendaki mempamerkan kapasiti maksimum di tempat yang mudah kelihatan di dalam perahu / kapal.

7. Protokol menaiki perahu penambang / perahu penumpang / kapal penumpang

- a. Hanya penumpang yang lengkap mendapat 2 dos vaksin dibenarkan untuk menaiki perahu atau kapal penumpang. Bukti pengesahan vaksinasi hendaklah ditunjukkan.
- b. Penggunaan aplikasi *BruHealth* adalah dimestikan.
- c. Penumpang yang mempunyai gejala tidak dibenarkan menaiki perahu atau kapal penumpang.
- d. Semua penumpang dikehendaki memakai sungkup muka (*face mask*) dan jaket keselamatan.
- e. Semua penumpang dikehendaki mengimbas Kod QR perahu / kapal dengan menggunakan aplikasi *BruHealth*.
- f. Hanya penumpang yang mempunyai kod *BruHealth* warna hijau dan kuning sahaja dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah ditunjukkan sebagai pengesahan.
- g. Mempraktikkan penjarakan sosial pada setiap masa.
- h. Sebarang kontak fizikal hendaklah dielakkan.
- i. Penumpang adalah digalakkan untuk tidak bercakap atau menjawab telefon semasa di dalam perjalanan.
- j. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan menggunakan sanitasi tangan sebelum menaiki perahu.
- k. Pemandu perahu / juragan kapal disarankan untuk melaksanakan ujian ART sekali setiap dua (2) minggu iaitu mengikut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan

- I. Memastikan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam sentiasa dipatuhi.

8. Protokol Bayaran

- a. Pemilik perahu / kapal penumpang adalah digalakkan bagi menyediakan sistem pembayaran yang mengurangkan penerimaan bayaran secara fizikal, seperti sistem perbankan atau menyediakan kontainer bersih bagi penumpang membuat pembayaran.

9. Protokol Pengurusan Sanitasi dan Pembersihan Nyah Kuman

- a. Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
- b. Menyediakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) di dalam perahu / kapal.
- c. Perahu / kapal penumpang hendaklah dibersihkan dan di disinfeksi secara kerap terutama di permukaan yang sering disentuh seperti tempat duduk, gunwale perahu.

9. Pengemaskinian langkah-langkah operasi perahu penambang / penumpang dan kapal penumpang hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

Pemilik / Pemandu / Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Hanya pemandu dan pekerja yang melengkapkan dua (2) dos vaksin dibenarkan mengendalikan perahu / kapal dan bekerja. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki perahu / kapal. Hanya penumpang yang mempunyai kod warna yang betul iaitu HIJAU atau KUNING akan dibenarkan masuk ke perahu / kapal.
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Majikan atau pemilik perahu / kapal adalah dinasihatkan bagi memastikan pemandu dan pekerja untuk membuat ujian ART sekali setiap dua (2) minggu iaitu mengikut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penumpang yang melengkapkan dua (2) dos vaksin dibenarkan untuk memasuki perahu / kapal dengan menunjukkan status vaksinasi di aplikasi BruHealth / Buku Vaksinasi (Yellow Booklet).

<ul style="list-style-type: none"> ➤ Hanya pengendali perahu / kapal dan pekerja yang mempunyai kod BruHealth HIJAU atau KUNING sahaja dibenarkan untuk bekerja atau beroperasi. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Bagi penumpang yang belum menerima dua (2) dos vaksin adalah dibenarkan menaiki perahu atau kapal penumpang dengan syarat menunjukkan bukti telah melaksanakan ujian ART yang terkini dengan keputusan negatif.
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mana-mana pengendali perahu / kapal atau pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak beroperasi atau hadir bekerja. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pengendali perahu / kapal dan pekerja hendaklah memakai sungkup muka pada setiap masa dan memastikan para penumpang juga berbuat demikian. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer.
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mendaftar perahu / kapal untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk / di tempat yang mudah kelihatan. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penumpang adalah digalakkan untuk tidak bercakap sesama sendiri atau menjawab sebarang panggilan telefon semasa menggunakan pengangkutan air.
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menghadkan jumlah penumpang yang dibenarkan untuk menaiki perahu / kapal dalam satu-satu masa kepada 50% dari jumlah muatan yang dibenarkan. 	
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Membuat pemeriksaan suhu badan sebelum naik ke perahu / kapal dan menyediakan cecair pembasmi kuman (<i>hand sanitizer</i>). 	
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi perahu / kapal. 	